



SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/12/85 (HQ)

PROJEK CR TNB BANTU GOLONGAN B40 MILIKI RUMAH

- Kerjasama strategik TNB dengan PKNS bagi membantu B40 di Selangor
- 14 penerima bantuan Projek Baiti Jannati, 2 orang untuk Projek Mesra Rakyat untuk 2019

Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus menyinari kehidupan golongan B40 di Semenanjung menerusi projek pemilikan atau baik pulih rumah dengan yang terbaharu untuk 16 orang di Selangor melalui Projek Baiti Jannati dan Projek Mesra Rakyat bagi tahun 2019.

Pada program yang diadakan di Pangsapuri Seri Perantau, Bandar Sultan Suleiman, Klang, hari ini, enam orang telah dipilih untuk menerima unit kediaman di Pangsapuri Seri Perantau, menerusi Projek Baiti Jannati (PBJ) manakala seorang lagi penerima bagi Projek Mesra Rakyat (PMR) untuk unit kediaman yang sama.

Mereka yang menerima manfaat bagi PBJ ialah Mohd Noor Dahari, Nin Aki, Siti Sharah Abd Aziz, Abdul Rasak Hassan, Nor Azli Omar dan Shamsul Hussin @ Hussani. Sementara itu, Karuppiah a/l K. Chinniah menjadi penerima bagi PMR.

Penyerahan pemilikan hak milik rumah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman. Majlis turut dihadiri Ketua Pegawai Korporat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Siti Zubaidah Abdul Jabar dan Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat TNB, Datuk Omar Sidek.

Penyerahan bantuan pemilikan hak milik rumah di Selangor ini, julung kalinya dilaksanakan TNB menerusi kerjasama dengan PKNS. Setiap penerima manfaat menerima sebuah unit kediaman Projek Perumahan Rakyat PKNS.

Dalam ucapannya, Datuk Wira Roslan berkata, Projek Baiti Jannati dan Projek Mesra Rakyat TNB menyantuni golongan kurang bernasib baik agar tiada yang dipinggirkan dalam kepesatan arus pembangunan.

"Program hari ini adalah sejajar dengan saranan kerajaan agar Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk sama-sama menikmati kehidupan yang lebih selesa.

"Dalam tempoh 70 tahun kewujudan TNB membekalkan tenaga elektrik bagi keperluan rakyat Malaysia, TNB sentiasa peka untuk menyinari kehidupan mereka yang memerlukan," kata Roslan.

Roslan turut menyatakan penghargaan kepada PKNS kerana telah sudi menjalin kerjasama strategik dengan TNB dalam usaha untuk berkongsi kemakmuran bersama golongan yang memerlukan.

"Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada PKNS kerana sudi menjalin kerjasama padu bagi menjayakan program ini agar nasib mereka yang kurang bernasib baik terus terpelihara," tambah Roslan.

Mengenai Projek Baiti Jannati (PBJ)

Program yang bermula sejak 2007 ini membantu golongan kurang berkemampuan dari segi pembinaan rumah, bantuan pemilikan rumah, bantuan membaik pulih serta menaiktaraf kediaman, dan melakukan pendawaian semula kediaman. Kumpulan sasaran program adalah asnaf daripada golongan fakir miskin, warga emas, ibu/bapa tunggal dan golongan kelainan upaya (OKU). Peruntukan bantuan adalah daripada wang zakat TNB.

Sehingga kini, sebanyak 703 kediaman telah mendapat sentuhan Projek Baiti Jannati di Semenanjung membabitkan kos keseluruhan RM30.46 juta

Mengenai Projek Mesra Rakyat (PMR)

Program bermula pada tahun 2012. Sama seperti Projek Baiti Jannati, program menyasarkan bantuan pembinaan rumah, bantuan pemilikan rumah, bantuan membaik pulih serta menaiktaraf kediaman, dan melakukan pendawaian semula. Kumpulan sasaran program adalah golongan miskin, warga emas, ibu/bapa tunggal dan golongan kelainan upaya (OKU) bukan Islam.

Sehingga kini, sebanyak 178 buah rumah mendapat sentuhan Projek Mesra Rakyat di Semenanjung Malaysia membabitkan kos RM5.54 juta.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 13 Disember 2019, jam 3.00 petang

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524
atau emel ke media@tnb.com.my*